

22/09/1998

Sapok hargai kehadiran PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Pemenang pingat emas tunggal negara dalam acara tinju di Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI (KL 98), Sapok Biki, mengakui kehadiran ibu bapanya dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, membakar semangat beliau dalam perlawanan akhir, semalam.

Beliau yang berusia 24 tahun, sentiasa mendahului dalam setiap pusingan di perlawanan akhir kategori 48 kilogram itu bagi mengalahkan lawannya dari Kenya, Moses Kinyua, dengan kiraan mata 19-13.

Sehubungan itu, beliau mengucapkan terima kasih dan menghargai kehadiran Perdana Menteri dan Penerbangan Malaysia (MAS) yang berusaha membawa ibu bapanya menyaksikan perlawanan akhir dari Simunjan, Sarawak dengan penerbangan percuma.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada MAS kerana sudi membawa orang tua saya ke sini.

"Ikutkan rasa hati saya, saya nak belikan sendiri mereka tiket untuk memastikan mereka hadir menyaksikan saya bertanding," katanya kepada pemberita pada majlis jamuan tengah hari bersama MAS di Kompleks Sukan Negara dekat sini, hari ini.

Sementara itu, Abdullah berkata, rancangan membawa keluarga Sapok dicetuskan Pengerusi Eksekutif MAS, Datuk Tajudin Ramli selepas membaca laporan akhbar mengenai hasrat Sapok ingin ibu bapanya menyaksikan perlawanan beliau jika berjaya melangkah ke peringkat akhir.

Malam Sabtu lalu, ibu bapa Sapok, Biki Kinyau, 49, dan Limah Jamba, 41, serta pakciknya, Bawing Jamba dan makciknya, Jatok Neong, dibawa dengan pesawat MAS secara percuma.

(END)